



DR. JALANI SUKAIMI

Graduan FST peluang pekerjaan cerah

SEMENTARA itu, dalam pertemuan yang berasingan, Dekan Fakulti Sains dan Teknologi (FST) merangkap Pemangku Pengarah Pusat Tamhidi, Profesor Dr. Jalani Sukaimi berkata sungguhpun Fakulti Sains & Teknologi, KUIM adalah fakulti baru tetapi ia mempunyai kelainan dan keistimewaan yang berbanding beberapa universiti tempatan awam lain.

"FST ditubuhkan pada 1 Disember 2003 dengan kumpulan pelajar pertamanya pada Jun 2004 iaitu program sulung, Program Sarjana Muda Biotek-

nologi Makanan (kepujian).

"Lama kelamaan penawaran program berkembang seiring dengan permintaan pasaran (*demand driven*) dan program yang diperlukan untuk memenuhi matlamat modal insan negara.

"Contohnya memperkenalkan pula Program Sains Aktuari & Pengurusan Risiko, Program Keselamatan & Jaminan Maklumat dan terbaru Program Matematik Kewangan pada Julai ini," katanya sewaktu ditemui di pejabat FST.

Tambah Dr. Jalani, FST menumpukan

usaha bagi melahirkan ahli sains dan teknologi Muslim dalam pelbagai bidang yang sangat diperlukan untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara Islam maju dan progresif.

Jelas beliau lagi, terdapat banyak keistimewaan pelajar FST di sini. Contohnya Program Aktuari & Pengurusan Risiko yang ditawarkan kerana ia tidak bersifat sains aktuari tradisi. Di FST, KUIM, ia adalah gabungan komponen pengurusan risiko yang amat diperlukan dalam industri kewangan, perbankan dan ta-